

# BULETIN GIS



JAWATANKUASA PEMETAAN DAN DATA SPATIAL NEGARA

BIL 2 / 2009

ISSN 1394 - 5505



## PENDAHULUAN

Jemaah Menteri berdasarkan Kertas Kabinet No.243/385/65 bertajuk *National Mapping Malaysia* telah meluluskan jawatan dan terma-terma rujukan “Surveyor-General Malaya and Singapore” sebagai Pengarah Pemetaan Negara Malaysia dan mengesahkan keanggotaan serta terma-terma rujukan Jawatankuasa Pemetaan Negara pada 31 Mac 1965.

Cabutan para-para 2(b), 2(c) dan 2(d) daripada kertas kabinet tersebut mengenai keanggotaan dan terma-terma rujukannya adalah seperti berikut:

**“2(b) National Mapping Committee**

*That a National Mapping Committee be appointed to comprise the following:*

- i. Director of National Mapping
- ii. Director of Lands & Surveys, Sabah;
- iii. Director of Lands & Surveys Sarawak;
- iv. Representative of the Ministry of Defence;
- v. Representative of the Ministry of Rural Development (now substituted by the Ministry of Natural Resources and Environment);
- vi. Assistant Director of Survey, FARELF

**2(c) The terms of reference of the National Mapping Committee to be as follows:**

- i. to advise the Director of National Mapping on matters relating to mapping policy;
- ii. to advise the Director of National Mapping on mapping priorities.

**2(d) That the Committee be empowered to appoint a Secretary and to co-opt persons who would be required to assist the Committee,”**

Seterusnya pada 22 Januari 1997, Jemaah Menteri telah meluluskan pindaan terhadap nama, keanggotaan dan bidang-bidang rujukan Jawatankuasa Pemetaan Negara kepada Jawatankuasa Pemetaan dan Data Spatial Negara (JPDSN), bagi mencerminkan peranannya yang diperluaskan ke bidang data pemetaan berdigit. Keanggotaan JPDSN pada masa kini adalah terdiri daripada agensi-agensi seperti berikut:

- |  |  |
|--|--|
| 1. Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia                                      | 10. Jabatan Pertanian Sabah  |
| 2. Jabatan Tanah dan Ukur Sabah  | 11. Jabatan Pertanian Sarawak  |
| 3. Jabatan Tanah dan Survei Sarawak  | 12. Pusat Remote Sensing Negara (MACRES)   |
| 4. Wakil Kementerian Pertahanan  | 13. Universiti Teknologi Malaysia  |
| 5. Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia                                   | 14. Universiti Teknologi MARA ( <i>co-opted</i> )                                |
| 6. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia                                 | 15. Universiti Sains Malaysia ( <i>co-opted</i> )                                |
| 7. Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia                                  | 16. Jabatan Laut Sarawak ( <i>co-opted</i> )                                     |
| 8. Jabatan Perhutanan Sabah  | 17. Jabatan Perhutanan Sarawak   |
| 9. Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI) ( <i>co-opted</i> ) | 18. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia ( <i>co-opted</i> ) |

Buletin GIS ini yang diterbitkan dua kali setahun adalah merupakan salah satu aktiviti oleh Jawatankuasa Pemetaan dan Data Spatial Negara, sebagai salah satu media pendidikan dan penyebaran maklumat dalam mendidik masyarakat memanfaatkan maklumat spatial dalam pembangunan negara. Walau bagaimanapun, sebarang kandungan artikel-artikel adalah tanggungjawab penulis sepenuhnya dan bukan melambangkan pandangan penerbit.

## Kandungan

Dari Meja Ketua Editor.....	i
Aktiviti Standardisasi Maklumat Geografi di Malaysia.....	1
<i>Detecting The Layout Error of Constructed Buildings Using GIS Spatial Analytical Tool.....</i>	15
<i>A Simple Method of 3D Satellite Imagery by GIS.....</i>	24
<i>Integrated Geospatial Techniques For Forest Mapping.....</i>	33
<b>Laporan Bergambar:</b>	
Mesyuarat Ke-7 Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi (JKNG).....	40
<b>Kalendar 2009/2010.....</b>	45

### Sidang Pengarang

<b>Penangung</b> Dato' Prof. Sr Dr. Abdul Kadir bin Taib Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia	<b>Ketua Editor</b> Ng Eng Guan Pengarah Ukur Seksyen (Perkhidmatan Pemetaan)	<b>Susunan dan Rekabentuk</b> Hj. Muhammat Puzi bin Ahmat, KSD Mohd. Razlan bin Razali
<b>Penasihat</b> Hasan bin Jamil, AMN Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan)	<b>Editor</b> Dr. Azhari bin Mohamed, PJK Chang Leng Hua Nornisha bt. Ishak Dayang Norainie bt. Awang Junidee	<b>Pencetak</b> Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Jalan Semarak, 50578 Kuala Lumpur

Nota: Kandungan yang tersiar boleh diterbitkan semula dengan izin Urus Setia  
Jawatankuasa Pemetaan dan Data Spatial Negara.

## Dari Meja Ketua Editor

JUPEM mengucapkan tahniah kepada Y. Bhg. Dato' Prof. Sr. Dr. Abdul Kadir bin Taib, DSDK, SDK, KMN di atas perlantikan beliau sebagai Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan (KPUP) yang baru bagi menggantikan mantan KPUP yang telah bersara. Sementara itu, Encik Ahmad Fauzi bin Nordin pula telah dilantik untuk menjawat jawatan sebagai Timbalan KPUP manakala Encik Hasan bin Jamil dilantik sebagai Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan). Sehubungan itu, Y. Bhg. Dato' Prof. Sr. Dr. Abdul Kadir bin Taib merupakan pengurus baru bagi Jawatankuasa Pemetaan dan Data Spatial Negara.

Perlantikan Y. Bhg. Dato' Prof. Sr. Dr. Abdul Kadir bin Taib sebagai KPUP ke-19 telah berkuatkuasa pada 17 Jun 2009. Beliau adalah seorang yang berpengalaman dan berdedikasi dalam kerjayanya. Pengalaman beliau dalam pelbagai jawatan telah bermula pada tahun 1978 iaitu sebagai Juruukur Latihan, Seksyen Topografi dan seterusnya menjawat jawatan sebagai Jurutera Fotogrammetri, Seksyen Topografi selama hampir 2 tahun. Selain itu, beliau pernah menjawat jawatan sebagai Penolong Pengarah Ukur di beberapa buah seksyen di JUPEM sekitar tahun 1980 hingga 1985. Jawatan Ketua Penolong Pengarah juga pernah dijawat beliau selama hampir 6 bulan di Seksyen Ehwal Persempadanan. Kemudiannya pada tahun 1995 hingga 2004, beliau telah dinaikkan pangkat dengan memegang jawatan sebagai Pengarah Ukur Bahagian di beberapa buah Bahagian di JUPEM. Dalam masa yang sama juga beliau pernah menanggung kerja Jawatan Timbalan KPUP dan pada Mac 2004 hingga 16 Jun 2009, beliau telah memegang jawatan sebagai Timbalan KPUP.

Menyentuh tentang latar belakang pendidikan awal Y. Bhg. Dato' Prof. KPUP selepas alam persekolahan, beliau merupakan graduan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kuala Lumpur yang berkelulusan B. Surv. (Land), Hons pada tahun 1978. Dengan kesungguhan untuk mendalamkan lagi bidang Fotogrametri, beliau menyambung pengajian di ITC, *The Netherlands* pada tahun 1981 untuk Postgrad. Diploma dan M. Sc. pula pada tahun 1985. Pendidikan terakhir beliau pula adalah di UNSW, Australia dengan berkelulusan Ph.D dalam bidang Geomatik pada tahun 1994. Sesungguhnya beliau sentiasa berusaha untuk meningkatkan ilmu dan sering berkongsi pengalaman serta maklumat untuk meningkatkan motivasi pegawai-pegawai JUPEM yang lain.

Setelah perlantikan Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. KPUP itu juga, secara langsung beliau banyak memegang jawatan sebagai Pengurus untuk beberapa buah jawatankuasa di peringkat jabatan mahupun kebangsaan seperti Jawatankuasa Pemetaan dan Data Spatial Negara (JPDSN), Jawatankuasa Kebangsaan Nama-nama Geografi (JKNG), Jawatankuasa Teknikal TC 2 *Geographic Information/Geomatics Standards* (SIRIM), Jawatankuasa Pemandu *International Symposium and Exhibition on Geoinformation*, Lembaga Tatatertib No. 1 JUPEM, Jawatankuasa Pindaan Akta dan Peraturan Lembaga Juruukur Tanah, Jawatankuasa Pemantauan Projek-projek Pembangunan Jabatan, Panel Pembangunan Sumber Manusia Jabatan, Jawatankuasa Pengiktirafan Kelayakan Lembaga Juruukur Tanah, Jawatankuasa Teknikal Penandaan dan Pengukuran Sempadan Antarabangsa Bersama Antara Malaysia/Thailand, Jawatankuasa Teknikal Penandaan dan Pengukuran Sempadan Antarabangsa Bersama Antara Malaysia/Indonesia dan Jawatankuasa Isu Sempadan Maritim.

Selain daripada itu, beliau juga aktif melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti di peringkat pertubuhan profesional, persatuan mahupun universiti seperti memegang jawatan Presiden bagi JICA Alumni Society of Malaysia (MyJICA), sebagai Profesor Tamu di UTM dan ahli bagi Pertubuhan Juruukur Malaysia (ISM), Royal Institute of Chartered Surveyors (RICS), UK, Persatuan Alumni UTM dan *The Asean Federation of Land Surveying and Geomatic (THE ASEAN FLAG)*. Untuk peringkat kelab pula, beliau merupakan ahli Kelab Golf Perkhidmatan Awam (KGPA), Pengurus bagi Kelab Majlis Sukan Jabatan Ukur dan Pemetaan (MSJUPEM) dan Presiden bagi Kelab Koperasi Jabatan Ukur dan Pemetaan Melaysia Berhad (KOJUPEM). Sememangnya penglibatan beliau dalam pelbagai aktiviti dapat membantu menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang telah diamanahkan bersetujuan dengan jawatan yang dipegang beliau dalam beberapa pertubuhan, jawatankuasa dan sebagainya.

Sebagai pengiktirafan ke atas sumbangan dan jasa beliau sama ada di peringkat jabatan mahupun antarabangsa, beliau telah menerima pelbagai anugerah pingat kurniaan Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri Kedah. Pada tahun 1997, beliau telah menerima anugerah pingat KMN (Kesatria Mangku Negara) daripada Kerajaan Persekutuan manakala Kerajaan Negeri Kedah telah menganugerahkan 2 pingat iaitu SDK (Setia Diraja Kedah) dan DSDK (Dato' Setia Diraja Kedah) pada tahun 2002 dan 2006.

Dengan itu, pihak editor tidak ketinggalan untuk mengucapkan tahniah kepada Y. Bhg. Dato'. Prof. Dr. KPUP dan barisan pengurusan tertinggi di atas perlantikan tersebut. Maka dengan adanya barisan pengurusan tertinggi yang baru ini, sudah pasti pentadbiran jabatan akan mengalami peningkatan seiring dengan visi dan misi JUPEM agar menjadi sebuah agensi kerajaan yang dapat memperkasakan rakyat mahupun negara dengan maklumat geospatial seiring dengan konsep 'Rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan'.

# AKTIVITI STANDARDISASI MAKLUMAT GEOGRAFI DI MALAYSIA

Hasan bin Jamil  
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia  
hasan@jupem.gov.my

## ABSTRAK

Dengan kemajuan dalam bidang Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT), Sistem Maklumat Geografi (GIS) dan laman web telah menjadi mekanisme penting dalam menggabungkan data daripada pelbagai sumber untuk menghasilkan maklumat bagi kegunaan perancangan dan analisis spatial sama ada untuk pengurusan sehari-hari maupun dalam membuat keputusan penting.

Data spatial dihasilkan oleh pelbagai agensi dan daripada pelbagai sumber. Bagi memudahkan konsep perkongsian data, standardisasi adalah diperlukan daripada pelbagai aspek untuk menyokong perkongsian data antara pembekal dan pengguna data spatial.

Beberapa jawatankuasa dan organisasi terlibat dalam membangunkan standard maklumat geografi di negara ini. Organisasi yang menyelaras standardisasi maklumat geografi di peringkat antarabangsa adalah ISO/TC 211 (*International Organisation for Standardisation*).

Kertas ini memberikan gambaran keseluruhan aktiviti standardisasi maklumat geografi di Malaysia di samping senarai dokumen ISO yang telah dijadikan sebagai Standard Malaysia (MS).

Kata kunci: maklumat geografi, standard, perkongsian data

## 1. PENGENALAN

Data spatial adalah maklumat yang berkaitan dengan lokasi di atas muka bumi, khususnya maklumat fenomena semulajadi, kebudayaan dan sumber alam. Contohnya termasuklah butiran geografi, nama tempat, data ketinggian, litupan tanah, hidrografi, kadaster (maklumat hak milik tanah), sempadan pentadbiran, sumber dan alam sekitar, maklumat sosio-ekonomi dan demografik. Data spatial adalah penting untuk menggalakkan pembangunan ekonomi, penambahbaikan dalam mengawalselia sumber semula jadi, memulihara alam sekitar dan pengurusan bencana.

Di kebanyakan negara membangun, adalah difahamkan bahawa data spatial merupakan sebahagian daripada infrastruktur nasional. Kebanyakan organisasi di semua peringkat samada kerajaan, swasta, *non-profit sectors* dan akademik seluruh dunia telah menggunakan peruntukan kewangan yang tinggi pada setiap tahun untuk menghasilkan dan menggunakan maklumat spatial. Sistem Maklumat Geografi (GIS) adalah merupakan perkakasan/ sistem yang biasa digunakan untuk menyimpan, menguruskan dan menggunakan data spatial digital. Faedah standardisasi adalah untuk meningkatkan perkongsian data antara organisasi. Kebiasaan data spatial yang dibekalkan untuk organisasi tertentu boleh juga digunakan oleh organisasi lain. Perkongsian sebegini boleh menjimatkan wang dan sumber. Sejumlah besar masa, wang, dan tenaga akan dapat dijimatkan sekiranya urusan pengumpulan dan penyelenggaraan data dapat dikongsi bersama antara agensi.

Ini adalah penting, bukan hanya kepada organisasi yang memerlukan data berkenaan tetapi juga kepada organisasi yang memiliki data tersebut. Semakin banyak agensi yang dapat dikongsi datanya semakin banyak yang boleh dijimatkan dan semakin besar kecekapan yang akan diperolehi. Dengan kemajuan dalam bidang Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT), data spatial juga boleh dikongsikan melalui laman web.

Walau bagaimanapun, untuk memastikan data spatial boleh dikongsikan dengan lancar, terdapat keperluan standardisasi dalam pelbagai aspek data yang perlu dipenuhi bagi menyokong perkongsian data antara pembekal dan pengguna data spatial.

## **2. ORGANISASI DAN JAWATANKUASA**

Di Malaysia, pelbagai jawatankuasa dan organisasi terlibat dalam membangunkan, mendraf, meneliti dan mengesahkan standard maklumat geografi Malaysia, seperti Jawatankuasa Pemetaan dan Data Spatial Negara (JPDSN), Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara (MaCGDI), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi (JKNG), TC2/SIRIM (*Technical Committee 2*) dan Jabatan Standard Malaysia.

Di peringkat antarabangsa pula, ISO/TC211 adalah organisasi yang menyelaras dan membangunkan standard antarabangsa maklumat geografi.

### **2.1 JAWATANKUASA PEMETAAN DAN DATA SPATIAL NEGARA (JPDSN)**

Jawatankuasa ini (dahulunya dikenali sebagai Jawatankuasa Pemetaan Negara) telah ditubuhkan pada Mac 1965 oleh Kabinet dan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia. Jawatankuasa ini berperanan untuk menyelaras aktiviti pemetaan dan data spatial negara. Pada Jun 1994, lima (5) Jawatankuasa Teknikal telah dibentuk iaitu:

- Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Sumber Tanah dan Alam Sekitar
- Jawatankuasa Teknikal Standard dan Pertukaran Data
- Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Sumber Manusia
- Jawatankuasa Teknikal Pemetaan Automasi dan Pengurusan Fasiliti
- Jawatankuasa Teknikal Dasar dan Isu-isu Institusi

Jawatankuasa Teknikal Standard dan Pertukaran Data dan Jawatankuasa Teknikal Pemetaan Automasi dan Pengurusan Fasiliti adalah terlibat secara langsung dengan pembangunan standard berkaitan maklumat geografi.

### **2.2 INFRASTRUKTUR DATA GEOSPATIAL NEGARA (MyGDI)**

MyGDI (dahulunya dikenali sebagai NaLIS) telah dilancarkan pada 2 Januari 1997 oleh Ketua Setiausaha Negara melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 1997. Objektif penubuhannya adalah untuk menyediakan infrastruktur bagi menyokong perkongsian maklumat antara pembekal dan pengguna data geospatial dan juga untuk menyelaras pengumpulan dan penghasilan data geospatial.

Jawatankuasa Penyelaras MyGDI Kebangsaan (JPMK) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bertanggungjawab terhadap pelaksanaan MyGDI. Tiga (3) jawatankuasa teknikal telah ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Teknikal Clearinghouse MyGDI (JTCM), Jawatankuasa Teknikal Standard MyGDI (JTSM) dan Jawatankuasa Teknikal Framework MyGDI (JTFM).

JTSM diberikan peranan dalam mengetuai dan menyelaras pembangunan standard berkaitan GIS.

### **2.3 JAWATANKUASA KEBANGSAAN NAMA GEOGRAFI (JKNG)**

Dalam era digital pada masa kini, terdapat keperluan mendesak untuk urusan standardisasi nama-nama geografi. Penubuhan JKNG telah diluluskan pada tahun 2002 dengan peranan untuk menyelaras aktiviti penamaan nama-nama geografi di Malaysia. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia dan ahlinya adalah terdiri daripada Kerajaan Negeri dan lain-lain agensi. Tanggungjawab jawatankuasa ini termasuklah:

- Merangka garis panduan penentuan nama geografi kebangsaan;
- Membangunkan Pangkalan Data Nama Geografi dan Gazetir Kebangsaan (PDNG);
- Menggalakkan penggunaan nama-nama rasmi; dan
- Menyelaraskan input mengenai aktiviti tatanama negara dengan aktiviti tatanama di peringkat antarabangsa, termasuklah menjadi penghubung dengan Kumpulan Pakar bagi Nama Geografi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Group of Expert on Geographical Names - UNGEGN*), terutamanya di peringkat serantau.

Di bawah JKNG, terdapat sebuah jawatankuasa teknikal dan tiga buah kumpulan kerja iaitu:

- i. Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi Kebangsaan (JTNGK)
- ii. Kumpulan Kerja Garis Panduan Penentuan Nama Geografi
- iii. Kumpulan Kerja Pangkalan Data Nama Geografi dan Gazetir Kebangsaan
- iv. Kumpulan Kerja Nama Pulau dan Entiti Geografi Luar Pesisir

### **2.4 TC2/SIRIM**

Jawatankuasa Teknikal 2 (TC2/SIRIM) yang dahulunya dikenali sebagai Kumpulan Kerja 12 (WG12) telah ditubuhkan pada tahun 1991 oleh SIRIM untuk menggubal, menggalakkan dan menyelaras draf Standard Malaysia berkaitan GIS. Jawatankuasa ini juga diberikan mandat mewakili negara untuk berkomunikasi dengan badan-badan antarabangsa serta menyertai di dalam konvensyen antarabangsa mengenai standard dalam GIS.

Misi TC2/SIRIM adalah untuk membangunkan standard maklumat geografi di Malaysia, yang akan digunakan oleh semua pembekal dan pengguna data spatial di negara ini serta mengambil bahagian secara aktif dalam ISO/TC211 dengan memberikan komen terhadap draf dan menghadiri mesyuarat yang diadakan. Polisi TC2/SIRIM adalah untuk menerima dan mengadaptasikan standard antarabangsa yang sesuai sebagai asas dalam membangunkan Standard Malaysia.

## **2.5 ISO/TC211**

ISO (*International Organisation for Standardisation*) yang diasaskan pada tahun 1946 adalah merupakan kesatuan global bagi badan standard antarabangsa yang dianggotai lebih 100 buah Negara. ISO/TC211 telah ditubuhkan pada tahun 1994 merupakan organisasi antarabangsa untuk standardisasi maklumat geografi/geomatik. Malaysia telah diterima sebagai ahli dan telah disahkan dengan status O-Member (*Observing Member*). Pada November 1996, keahlian Malaysia telah dinaikkan kepada P-Member (*Participating Member*).

Standard antarabangsa pada masa kini berada pada pelbagai peringkat pembangunan. Dalam mendraf Standard Malaysia mengenai maklumat geografi, pembangunan standard berkenaan di peringkat antarabangsa adalah dirujuk dengan sepenuhnya bagi memastikan ia selari dengan standard antarabangsa.

Maklumat berkenaan aktiviti ISO/TC211 dan pembangunan standard mengenai maklumat geografi boleh dirujuk menerusi laman web <http://www.isotc211.org/>

## **3. AKTIVITI-AKTIVITI STANDARDISASI MAKLUMAT GEOGRAFI**

Pada masa ini, aktiviti-aktiviti standardisasi dalam bidang maklumat geografi di Malaysia yang dijalankan adalah seperti berikut:

- Standardisasi Nama dan Kod Sempadan Pentadbiran Tanah – *Unique Parcel Identifier (UPI)*;
- Pelaksanaan Pemakaian *Malaysian Standard for Geographic Information/Geomatics – Feature and Atribute Codes (MS1759)*;
- Standardisasi dan Pelaksanaan Pemakaian Malaysian Metadata Standard (MMS);
- Penyediaan Garis Panduan Penilaian Kualiti Data Geospatial (DQ);
- Standardisasi Spesifikasi Alamat;
- Spesifikasi Standard bagi Sistem Penomboran dan Tanda Jalan (RNS);
- Standardisasi Nama Geografi dalam Pangkalan Nama Geografi & Gazetir Kebangsaan (PDNG); dan
- Kajian ke atas dokumen-dokumen standard yang telah menjadi Standard Malaysia (MS).

### **3.1 STANDARDISASI NAMA DAN KOD SEMPADAN PENTADBIRAN TANAH – *UNIQUE PARCEL IDENTIFER (UPI)***

Kod untuk sempadan pentadbiran tanah seperti Negeri, Bahagian, Daerah, Mukim, Bandar, Pekan dan Seksyen adalah diseragamkan untuk memastikan semua agensi menggunakan kod yang sama bagi memudahkan pertukaran data antara agensi.

Kod-kod sempadan pentadbiran tanah bagi semua negeri di Semenanjung Malaysia, Labuan dan Sabah telah dapat diselaraskan. Semakan kod sempadan pentadbiran tanah bagi Negeri Sarawak sedang dikemaskinikan.

### **3.2 PELAKSANAAN PEMAKAIAN MALAYSIAN STANDARD FOR GEOGRAPHIC INFORMATION/GEOFATICS – FEATURE AND ATTRIBUTE CODES (MS 1759)**

MS 1759:2004, Maklumat Geografi/Geomatik – Kod Butiran dan Atribut menyediakan sistem untuk kod butiran dan atribut di mana pembekal dan pengguna maklumat geografi akan menggunakan dalam menstrukturkan data spatial digital mereka. Standard ini merupakan penambahbaikan menyeluruh yang dibuat ke atas dokumen MS1074:1992 (*Malaysian Standard Code of Practice for the Exchange of Digital Feature Coded Mapping Data*).

Dalam MS 1759:2004, setiap butiran adalah dikenal pasti dengan enam (6) kod aksara yang unik. Aksara pertama adalah sama dengan kategori butiran dan mempunyai nilai alphabet dari A hingga Z. Pada masa ini, terdapat 12 kategori butiran termasuklah kategori X yang diperuntukkan bagi kegunaan khas (*dataset-specific*) butiran. Kategori-kategori tersebut adalah seperti berikut:

<b>CODE</b>	<b>CATEGORY</b>
A	<i>Aeronautical</i>
B	<i>Built Environment</i>
D	<i>Demarcation</i>
G	<i>Geology</i>
H	<i>Hydrography</i>
R	<i>Hypsography</i>
S	<i>Soil</i>
T	<i>Transportation</i>
U	<i>Utility</i>
V	<i>Vegetation</i>
X	<i>Special Use (Dataset-specific)</i>
Z	<i>General</i>

Setiap kategori utama selanjutnya dibahagikan kepada sub kategori yang dikenal pasti dengan aksara ke-2 daripada kod enam digit, ia mengandungi nilai alphabet dari A hingga Z. Contoh sub kategori adalah seperti berikut:

#### **A-Aeronautical**

- AA      *Air Space*  
AB      *Aerodrome*

#### **B-Built Environment**

- BA      *Residential*  
BB      *Commercial*

BC	<i>Industrial</i>
BD	<i>Institutional</i>
BE	<i>Educational</i>
BF	<i>Religious</i>
BG	<i>Recreational</i>
BH	<i>Cemetery</i>
BJ	<i>Built-up</i>

Butiran kod enam aksara yang ke-3, ke-4, ke-5 dan ke-6 adalah nilai numerik dari 0000 hingga 9999. Nilai ini memberikan pengenalan butiran yang unik dalam kategori di samping membolehkan juga fleksibiliti. Contoh butiran kod enam aksara adalah seperti berikut:

#### **AA-Air Space**

- AA0010 - *Air Space*
- AA0020 - *Limited Activity Air Space*
- AA0030 - *Navigation Aid*
- AA0040 - *Air Route*

#### **AB-Aerodrome**

- AB0010 - *Aerodrome*
- AB0020 - *Airfield*
- AB0030 - *Aerodrome Control Tower*
- AB0040 - *Aerodrome Beacon*

Atribut digunakan untuk menerangkan sifat butiran. Setiap butiran adalah diterangkan melalui kod atribut untuk mewakili maklumat kategori. Setiap atribut adalah dikenal pasti dengan kod tiga aksara alphanumerik yang unik. Sebagai contoh, atribut '*Planted Forest Type*' mempunyai kod PFT dan '*Residential Building Type*' mempunyai kod RET. Format pernyataan nilai atribut memberikan tafsiran kepada komputer untuk nilai atribut bagi jenis data (contohnya *real*, *alphanumeric*) dan nilai atribut memberikan maksud kuantitatif/kualitatif kepada kod atribut. Terdapat dua jenis nilai atribut iaitu *coded* dan *actual*.

### **3.3 STANDARDISASI DAN PELAKSANAAN PEMAKAIAN *MALAYSIAN METADATA STANDARD (MMS)***

Metadata adalah keterangan data mengenai data yang menerangkan mengenai sumber asal sesuatu data geospatial serta susur galur perubahan ke atas data tersebut. Metadata membolehkan agensi pembekal data menerangkan secara menyeluruh mengenai sesuatu dataset bagi membolehkan pengguna data berkenaan faham mengenai keupayaan dan batasan dan menilai keupayaan sesuatu dataset bagi kegunaan yang dikehendaki oleh mereka. Ia merupakan satu kaedah berstruktur untuk

menggambarkan sumber, keadaan, kualiti dan ciri-ciri lain bagi data tersebut. Analogi metadata pada manusia adalah seumpama dokumen pengenalan dirinya.

Kebiasaannya, data geospatial dibekalkan oleh organisasi tertentu dan digunakan oleh pihak lain. Dokumentasi lengkap akan memberikan pemahaman yang lebih kepada pengguna yang kurang arif mengenai data, dan membantu mereka menggunakan dengan sebaik mungkin. Selaras dengan penggunaan data geospatial yang semakin meningkat di antara pembekal dan pengguna, dokumentasi yang lengkap akan memberikan kefahaman yang dalam mengenai data yang mereka miliki dan memudahkan pengurusan, penyimpanan, pengemaskinian dan penggunaan semula data secara efektif.

Standard metadata ISO/TC211 mentakrifkan elemen metadata yang luas, sungguhpun pada kebiasaannya hanya sebahagian daripada elemen yang digunakan. Walau bagaimanapun, adalah perlu untuk mengekalkan elemen asas yang minimum untuk sesuatu dataset.

Pembangunan *Malaysian Metadata Standard* (MMS) pada masa ini dijalankan berdasarkan MS ISO 19115:2003, elemen metadata utama, termasuklah elemen mandatori dan pilihan.

Senarai di bawah ini adalah antara lain elemen metadata utama yang diperlukan untuk menerangkan dataset. Huruf ‘M’ menunjukkan elemen tersebut adalah mandatori manakala huruf ‘O’ menunjukkan elemen data berkenaan adalah pilihan dan huruf ‘C’ menunjukkan elemen tersebut adalah mandatori dalam keadaan tertentu.

Antara lain elemen-elemen dalam *template* metadata (MMS) adalah seperti berikut:

- *Dataset title* (M)
- *Dataset reference date* (M)
- *Dataset responsible party* (O)
- *Geographic location of the dataset* (C)
- *Dataset language* (M)
- *Dataset character set* (C)
- *Dataset topic category* (M)
- *Spatial resolution of the dataset* (O)
- *Abstract describing the dataset* (M)
- *Distribution format* (O)
- *Spatial representation type* (O)
- *Reference System* (O)
- *Lineage* (O)
- *On-line resource* (O)
- *Metadata file identifier* (O)
- *Metadata standard name* (O)
- *Metadata standard version* (O)
- *Metadata language* (C)
- *Metadata character set* (C)

- *Metadata point of contract (M)*
- *Metadata date stamp (M)*

Carian metadata secara *online* telah dibangunkan dalam aplikasi MyGDI sebagai inisiatif untuk memudahkan carian maklumat geografi yang ada di pelbagai agensi.

### **3.4 PENYEDIAAN GARIS PANDUAN PENILAIAN KUALITI DATA GEOSPATIAL (DQ)**

Dataset geospatial dikongsikan, ditukarkan dan digunakan untuk pelbagai tujuan, selain daripada kegunaan oleh pembekal data yang berkenaan. Maklumat mengenai kualiti dataset geografi yang ada adalah perlu untuk proses memilih dataset di mana nilai dataset berkenaan adalah berkait secara langsung dengan kualitinya.

Pengguna data menghadapi situasi yang memerlukan peringkat data kualiti yang berbeza. Dataset berkualiti tinggi diperlukan oleh sesetengah pengguna untuk keperluan tertentu dan data yang kurang berkualiti pula digunakan untuk keperluan yang lain.

Data kualiti adalah sebahagian daripada metadata. Pada masa ini, pembekal data adalah digalakkan untuk mengumpul maklumat mengenai kualiti dataset mereka yang mengandungi elemen-elemen data kualiti seperti berikut:

- **Kesempurnaan:** kewujudan dan ketidakwujudan butiran, atribut dan hubungannya;
- **Ketekalan logik:** tahap pematuhan kepada peraturan logik sesuatu struktur data, atribut dan hubungannya;
- **Ketepatan posisi:** ketepatan bagi posisi sesuatu butiran;
- **Ketepatan temporal:** ketepatan ukuran berkenaan tempoh masa bagi atribut dan tempoh hubungannya; dan
- **Ketepatan tematik:** ketepatan bagi atribut kuantitatif, kebenaran bagi atribut bukan kuantitatif dan pengelasan bagi butiran serta hubungannya.

Untuk memastikan semakan kualiti data dapat dijalankan, spesifikasi produk data berkenaan perlu disediakan dahulu.

### **3.5 STANDARDISASI SPESIFIKASI ALAMAT**

Satu Kumpulan Kerja telah ditubuhkan di bawah TC2/SIRIM untuk menyelaraskan standardisasi alamat di negara ini. Kumpulan Kerja ini dipengerusikan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dengan kerjasama Persatuan Kejuruteraan Jalan Malaysia (REAM) dan agensi lain yang berkaitan. Standard ini adalah untuk menyediakan dan memastikan spesifikasi yang konsisten untuk alamat termasuklah:

- **Alamat Jalan (Street Addresses):** mewujudkan keperluan dan menyediakan garis panduan bagi sistem alamat jalan yang menyeluruh. Ia mengenal pasti elemen sistem berkenaan dan menyediakan garis panduan spesifik untuk aplikasi elemen berkenaan kepada pelbagai jenis dan kelas jalan di Malaysia. Alamat jalan digunakan untuk menunjukkan semua alamat yang menggunakan nama jalan sebagai item rujukan.

- **Alamat Bukan Jalan (Non Street Addresses):** keperluan dan garis panduan untuk sistem alamat bukan jalan. Ia mengenal pasti elemen sistem dan menyediakan garis panduan spesifik untuk digunakan dalam setting bukan jalan.
- **Alamat Peti Surat (P.O. Box Addresses):** keperluan dan garis panduan untuk sistem alamat peti surat. Ia mengenal pasti elemen sistem dan menyediakan garis panduan spesifik untuk aplikasi sistem berkenaan. Ia hanya boleh digunakan bagi alamat peti surat sahaja.

Standardisasi ini telah menjadi Standard Malaysia pada tahun 2006 dan dikenali sebagai MS 2039 : *Addresses Standard Format –Requirements*. Dokumen ini menggariskan pelbagai jenis alamat yang digunakan di negara ini dan memberi panduan kepada pengguna dalam menulis alamat yang betul dan selaras.

### **3.6 SPESIFIKASI STANDARD BAGI SISTEM PENOMBORAN DAN TANDA JALAN**

Sistem penomboran dan tanda jalan adalah dibangunkan untuk menyediakan suatu sistem penomboran yang seragam yang boleh digunakan oleh pihak berkuasa jalan di Malaysia. Standardisasi ini juga telah menjadi Standard Malaysia pada tahun 2007 dan dikenali sebagai MS 1987: *Route Numbering System And Guide Signs*. Dokumen ini menerangkan berkenaan sistem penomboran jalan serta tanda jalan yang digunakan dengan menjelaskan kategori jalan, klasifikasi *guide signs* serta kod-kod jalan di negara ini.

Antara lain kemajuan aktiviti Spesifikasi Standard bagi Sistem Penomboran dan Tanda Jalan adalah seperti berikut:

- Penyiapan brosur mengenai *Route Numbering System and Guide Signs* (RNS) oleh JKR. Brosur ini menerangkan pemahaman RNS dan penerangan mengenai kaedah membaca dan menggunakan penomboran rangkaian jalan.
- Penerbitan Buku Panduan Ringkas Sistem Papan Tanda Jalan oleh JKR pada bulan Oktober 2008. Buku panduan ini juga akan dipanjangkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk memudahkan dalam menyediakan papan tanda yang seragam.
- Manakala projek perintis bagi penggunaan papan tanda yang seragam sedang dilaksanakan di Shah Alam.

Penyeragaman sistem penomboran jalan adalah penting supaya penamaan yang digunakan adalah betul dan tepat.

### **3.7 STANDARDISASI NAMA GEOGRAFI DALAM PANGKALAN NAMA GEOGRAFI & GAZETIR KEBANGSAAN – PDNG**

Garis panduan bagi standardisasi ini telah diterbitkan oleh JUPEM pada tahun 2005 dikenali

sebagai Garis Panduan Penentuan Nama Geografi. Pangkalan Data Nama Geografi dan Gazetir Kebangsaan (PDNG) pula dibangunkan oleh MaCGDI.

#### **4. DOKUMEN ISO/TC 211 YANG TELAH DITERIMA PAKAI SEBAGAI STANDARD MALAYSIA (MS)**

Dokumen ISO/TC 211 yang telah diterima pakai sebagai standard bagi *Geographic Information* (GI) di Malaysia adalah seperti berikut:

i. **MS ISO 19101:2003, GI- Reference Model**

Menerangkan mengenai rangka kerja (*framework*) standardisasi dalam bidang maklumat geografi. Model rujukan ini menerangkan keseluruhan keperluan untuk standardisasi dan prinsip fundamental yang digunakan dalam pembangunan dan penggunaan standard dalam maklumat geografi.

ii. **MS ISO 19105:2003, GI- Conformance and Testing**

Menetapkan rangka kerja, konsep dan metodologi untuk menguji kriteria yang diperlukan bagi pematuhan, menyediakan rangka kerja untuk menentukan *abstract test suites* dan menetapkan prosedur. Pematuhan boleh dibuat bagi data, perisian, perkhidmatan ataupun spesifikasi termasuklah profil dan fungsi standard.

iii. **MS ISO 19106 : 2006, GI- Profiles**

Bertujuan untuk menentukan konsep profil bagi standard maklumat geografi yang telah dibangunkan. Ia juga menyediakan garis panduan bagi pewujudan profil. Hanya komponen tertentu dalam spesifikasi yang memenuhi definisi profil boleh diambil kira untuk dipertimbangkan melalui mekanisme yang dijelaskan dalam standard ini.

iv. **MS ISO 19107:2003, GI- Spatial Schema**

Menetapkan skema *conceptual* dalam menerangkan sifat spatial butiran geografi.

v. **MS ISO 19108:2003, GI- Temporal Schema**

Menetapkan konsep untuk menerangkan sifat temporal maklumat geografi; menyediakan asas takrifan bagi atribut butiran temporal, operasi butiran, dan *feature associations* dan untuk mentakrifkan aspek temporal metadata mengenai maklumat geografi.

vi. **MS ISO 19109 : 2007, GI- Rules for Application Schema**

Mentakrifkan kaedah mewujudkan dan dokumentasi aplikasi skema, termasuklah prinsip definisi butiran. Aplikasi skema menyediakan penerangan terperinci mengenai struktur data dan kandungan yang diperlukan oleh satu atau lebih aplikasi. Ia juga mengandungi penerangan mengenai data geografi dan data-data berkaitan yang lain.

- vii. **MS ISO 19110 : 2006, GI- Methodology for Feature Cataloguing**  
Mentakrifkan metodologi untuk mengkatalogkan jenis butiran. Ianya menetapkan bagaimana pengelasan jenis butiran disusun menjadi katalog butiran dan dipersembahkan kepada pengguna set data geografi. Standard ini digunakan khususnya untuk mengkatalogkan jenis butiran dalam bentuk digital. Walau bagaimanapun prinsip ini juga boleh digunakan untuk mengkatalogkan data geografi dalam bentuk yang lain.
- viii. **MS ISO 19111:2003, GI- Spatial Referencing by Coordinates**  
Menetapkan skema *conceptual* untuk penerangan mengenai rujukan spatial dengan koordinat; menerangkan data minimum yang diperlukan untuk mentakrifkan satu, dua atau tiga dimensi sistem rujukan koordinat; menerangkan maklumat yang diperlukan untuk transformasi nilai koordinat daripada satu sistem rujukan kepada sistem rujukan yang lain.
- ix. **MS ISO 19112:2003, GI- Spatial Referencing by Geographic Identifiers**  
Menetapkan skema *conceptual* untuk rujukan spatial berdasarkan pencaman geografi; menentukan model umum untuk rujukan spatial menggunakan pengecaman geografi; mentakrifkan komponen sistem rujukan spatial; mentakrifkan komponen yang perlu untuk gazetir.
- x. **MS ISO 19113:2003, GI- Quality Principles**  
Menentukan prinsip untuk menerangkan kualiti data geografi dan menetapkan komponen laporan maklumat kualiti.
- xi. **MS ISO 19114:2003, GI- Quality Evaluation Procedures**  
Menyediakan rangkakerja bagi prosedur untuk menentukan dan menilai kualiti yang dapat digunakan kepada dataset geografi digital, konsisten dengan prinsip data kualiti; menetapkan rangkakerja untuk penilaian dan laporan keputusan data kualiti.
- xii. **MS ISO 19115:2003, GI- Metadata**  
Menentukan skema yang diperlukan untuk menerangkan maklumat geografi dan perkhidmatan; menyediakan maklumat mengenai pengenalan; had, kualiti, skema spatial dan temporal, rujukan spatial dan pengedaran data geografi digital.
- xiii. **MS ISO 19116 : 2006, GI- Positioning Services**  
Menentukan struktur data dan kandungan antaramuka yang membenarkan komunikasi antara alat penentu kedudukan dan alat pengguna kedudukan. Ini bagi membolehkan alat tersebut dapat memperolehi dan mentafsir maklumat kedudukan dengan jelas dan seterusnya menentukan sama ada keputusan tersebut menepati keperluan penggunaan.

xiv. **MS ISO 19117 : 2006, GI- Portrayal**

Menentukan skema untuk menerangkan paparan maklumat geografi dalam bentuk yang mudah difahami oleh semua orang. Ini termasuklah metodologi untuk menerangkan simbol dan pemetaan skema kepada aplikasi skema. Walau bagaimanapun ia tidak termasuk standardisasi simbol kartografi berserta geometri dan fungsi penerangannya.

xv. **MS ISO 19118 : 2006, GI- Encoding**

Menentukan keperluan untuk mewujudkan kaedah pengkodan berdasarkan skema *Unified Modelling Language* (UML), disamping menentukan keperluan untuk mewujudkan perkhidmatan pengkodan dan juga menentukan pemberian maklumat berdasarkan kaedah pengkodan *Extensible Markup Language* (XML) untuk pertukaran data geografi.

xvi. **MS ISO 19119 : 2006, GI- Services**

Menentukan pendekatan untuk mentakrifkan perkhidmatan yang digunakan dalam siri standard ISO 19100.

xvii. **MS ISO 19123 : 2007, GI- Schema for Coverage Geometry and Functions**

Menentukan skema *conceptual* untuk sifat liputan spatial. Liputan akan dapat menyokong pemetaan daripada spatial, temporal atau *spatiotemporal domain* untuk nilai atribut butiran di mana jenis atribut butiran adalah biasa kepada semua kedudukan geografi dalam lingkungan domain.

xviii. **MS ISO 19125-1: 2006, GI- Simple Feature Access – Part 1 : Common Architecture**

Menerangkan rekabentuk biasa bagi butiran geometri yang ringkas. Model objek butiran geometri ringkas adalah *Distributed Computing Platform* neutral dan menggunakan notasi UML.

xix. **MS ISO 19125-2 : 2006, GI- Simple Feature Access- Part 2: SQL Option**

Menentukan skema standard *Structured Query Language* (SQL) yang menyokong penyimpanan, *retrieval*, pertanyaan dan pengemaskinian pengumpulan butiran melalui *SQL Call Level Interface* (SQL/CLI) (ISO/IEC 9075-3:2003).

xx. **MS ISO 19128 : 2007, GI- Web Map Server Interface**

Mentakrifkan mengenai *Web Map Service* (WMS) yang mengeluarkan peta rujukan spatial secara dinamik daripada maklumat geografi. Ia menentukan proses untuk mendapatkan penerangan mengenai peta yang ditawarkan oleh server di mana ia boleh digunakan untuk *retrieval* peta dan membuat pertanyaan mengenai butiran yang dipaparkan dalam peta berkenaan.

xxi. **MS ISO 19131 : 2009, GI – Data Product Specification**

Menerangkan keperluan spesifikasi bagi produk data geografi berdasarkan konsep standard MS ISO 19100 yang lain. Ia juga membantu dalam rekabentuk spesifikasi produk data supaya iaanya mudah difahami bagi kegunaan yang dikehendaki oleh mereka.

xxii. **MS ISO 19133 : 2007, GI- Location-Based Services - Tracking and Navigation**

Memberikan penerangan mengenai data dan perkhidmatan yang diperlukan bagi menyokong jejak dan navigasi untuk *mobile clients*. Ia menerangkan mengenai jenis data dan proses yang berkaitan untuk pelaksanaan perkhidmatan jejak dan navigasi. Ianya direkabentuk untuk menetapkan perkhidmatan web tanpa wayar (*wireless*) melalui aplikasi *web-resident proxy*.

xxiii. **MS ISO 19134 : 2008, GI- Location- Based Services - Multimodal Routing and Navigation**

Menentukan jenis data dan operasi berkaitan pelaksanaan perkhidmatan berdasarkan *multimodal location* untuk navigasi dan *routing*. Standard ini direkabentuk khusus untuk perkhidmatan laman web yang membolehkan penggunaan peralatan tanpa wayar (*wireless*) melalui aplikasi *web-resident proxy*.

xxiv. **MS ISO 19135 : 2007, GI- Procedures for Item Registration**

Menentukan prosedur yang perlu diikuti dalam mewujudkan, mengekalkan dan menerbitkan daftar pengenalpastian yang unik, jelas dan kekal berserta maksud yang telah diberikan terhadap item maklumat geografi berkenaan.

xxv. **MS ISO 19136 : 2008, GI- Geography Markup Language (GML)**

Merupakan pengkodan XML yang mematuhi MS ISO 19118 untuk pemindahan dan penyimpanan maklumat geografi yang telah dibentuk berdasarkan rangka kerja *conceptual modeling* yang digunakan dalam siri MS ISO 19100. Ini termasuklah kedua-dua butiran spatial dan *non-spatial*.

xxvi. **MS ISO 19137 : 2008, GI- Core Profile of the Spatial Schema**

Menentukan teras profil bagi skema spatial yang telah dijelaskan dalam MS ISO 19107. Dengan merujuk kepada MS ISO 19106, set minimum elemen geografi adalah diperlukan untuk keberkesanan pewujudan aplikasi *schemata*.

xxvii. **MS ISO 19138 : 2008, GI- Data Quality Measures**

Spesifikasi teknikal ini menerangkan mengenai penilaian kualiti data.

**xxviii. MS ISO 19139 : 2008, GI- *Metadata-XML Schema Implementation***

Spesifikasi teknikal ini menerangkan mengenai pengkodan *Geographic Metadata XML* (gmd) yang mana pelaksanaan skema XML diperolehi daripada MS ISO 19115.

**xxix. MS ISO 19141 : 2008, GI- *Schema for Moving Features***

Menentukan skema *conceptual* yang menumpukan kepada butiran berubah contohnya butiran yang berubah lokasi dari masa ke semasa. Skema ini termasuklah kelas, atribut, hubungan dan operasi yang menyediakan rangkakerja *conceptual* yang dilaksanakan untuk menyokong pelbagai aplikasi bagi butiran berubah.

**5. PENUTUP**

Aktiviti yang melibatkan pembangunan standard bagi maklumat geografi di negara ini adalah dijalankan secara berperingkat. Kerjasama dan sokongan daripada semua pembekal dan pengguna maklumat geospatial adalah sangat diperlukan khususnya dalam memberikan komen semasa penyediaan standard maklumat geografi dan juga untuk pelaksanaan standard yang telah dibangunkan.

# **DETECTING THE LAYOUT ERROR OF CONSTRUCTED BUILDINGS USING GIS SPATIAL ANALYTICAL TOOL**

Dr. Mohd Sanusi S. Ahamad

Prof Madya, Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam,  
Kampus Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia, 14300 Nibong Tebal, Pulau Pinang.  
Tel: 04-5996202, Faks: 04-5941009,  
[cesanusi@eng.usm.my](mailto:cesanusi@eng.usm.my)

Rabi'ah Ahmad

Pensyarah, Jabatan Kejuruteraan Awam,  
Politeknik Ungku Omar, 31400 Ipoh, Perak.  
Tel: 05-5457622, Faks: 05-5471162,  
[rabimad@jka.puo.edu.my](mailto:rabimad@jka.puo.edu.my)

## **ABSTRACT**

*This paper describes the development of a GIS modeling technique that can map and analyze layout error in constructed buildings. GIS system is capable of producing maps often to a standard of quality equal to any conventional mapping tools and can combine analysis with display, data input and data management. Analytical comparison between architectural drawings with the "As Built map" derived from satellite images can determine deviation of the layout buildings in reality. The development of 'As Built map' and error analysis was performed in IDRISI32 software. The case study was conducted on the major buildings in the Engineering Campus Universiti Sains Malaysia. A combination of GIS map algebra technique and cross tabulation analysis was carried out to determine the extent of layout deviation of various constructed buildings within the campus. The result of the spatial cross – tabulation analysis indicates that percentage deviation of buildings ranging from 9% to 42% has occurred within the constructed campus buildings. The error analysis has also produced layout errors ranging from 9% - 65%. This gives an indication that architectural drawing specifications are generally not being followed during a certain building construction. Improper management supervision or budget factors during construction process can be identified as the cause of error. Nevertheless, this paper has proven that "As Built map" derived from satellite images is fast and accurate, and can be used for the layout error analysis. The result obtained in this study is very significant and has proven that GIS is a very important analytical tool in the study of error measurement and the modeling approach.*

## **1. INTRODUCTION**

Geographical Information System (GIS) has been generating massive interest in Malaysia and it is usually being practiced by the government sector, university educational research and in large private sector [MAS, Telekom Malaysia, and PLUS etc.], banking, development planning and

traffic planning. In general construction sector, the manual or traditional method is still preferable. One of the reasons is the incurring initial cost and lack of expertise in the company to manage the technology.

This paper focuses on testing the capabilities of GIS in the general engineering construction practice. GIS spatial analytical tool can detect the layout error of the constructed building and at the same time monitor the construction layout progress as it is built. The idea is to produce an automated “as – built” plan that provide general engineering construction layout which is very useful in most construction activities. These plans are normally used to check for layout compliances during construction process and for building construction approval. It records the position of the constructed building and the layout of the building when the construction work is completed.

### 1.1 The Case Study

The project case study was carried out on the Engineering Campus Universiti Sains Malaysia at Nibong Tebal, Pulau Pinang which has an area of about 320 acres. This campus was completed and fully functioning in May 2001. It was located within the border of three states viz. Pulau Pinang, Kedah and Perak [Figure 1.1].




Figure 1.1: Key plan and USM Engineering Campus Site

The main source of data for this project is the Architectural AutoCAD drawing plan and a high resolution satellite image of the USM engineering campus captured in year 2003. The project study is only limited to certain built up area in the campus comprising of the school buildings, lecture hall, main hall, cafeteria, administrative buildings, library, and the health centre.

## 2. PROJECT METHODOLOGY

The project methodology is summarized as follows:

- Derivation of digital constructed building map using digitizing software that supports the

GIS system which include the on screen digitizing work, geo-referencing and image conversions process. Data from DXF drawing and satellite images will be the primary source of data input.

- Formation of raster based image overlay and performing image cross tabulation analysis to determine the layout error with respect to building location and building sizes.
- Presentation of the result in spatial format.
- Production of detail “As – Built” drawing map and to show the extent of deviation of the constructed building in reality. This is supported by spatial statistical results.

## 2.1 Image Data Preparation

The Quickbird high resolution satellite image of USM engineering campus is the primary digital data for this project. The image was initially in composite RGB format and was converted into the 256 colors TIFF format file using ER Viewer Software. The conversion file included the true coordinate (x,y) of the image. **Figure 2.1** shows the satellite image viewed and converted in ER Viewer.





Figure 2.1: Satellite image of USM Engineering Campus in ER viewer.

## 2.2 Digitizing the Image

Screen digitizing is the most general method of converting the raster image into a vector digital format. However, the efficiency is dependent on several factors including procedure, the quality


